



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN MENGUKUHKAN PERPADUAN WARGA KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 14 Februari 2015 – Kenduri 1Wilayah Persekutuan (1WP) Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Bandar Tun Razak, KL dihadiri oleh lebih 5000 orang warga Kuala Lumpur. Program ini disempurnakan oleh YB. Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan.

2. Program tahunan ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara warga WP Kuala Lumpur selain dapat bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti gotong-royong. Selain itu, menerusi kenduri 1WP ini juga turut menjadi medium bagi memperkukuhkan persefahaman, perpaduan dan ukhuwah sesama warga Wilayah Persekutuan khususnya bagi warga WP Kuala Lumpur.

3. Pelbagai aktiviti turut dijalankan sepanjang program berlangsung seperti senamrobik, sukaneka, permainan kanak-kanak, persembahan, gerai pameran informasi dan juga gotong-royong memasak juadah kenduri oleh warga Kuala Lumpur. Melalui konsep gotong-royong, warga Wilayah Persekutuan khususnya Kuala Lumpur berpeluang untuk merasai kemeriahan suasana kenduri sambil menjamu selera dengan juadah yang dimasak sendiri secara beramai-ramai. Malahan konsep gotong-royong ini juga dapat memeriahkan dan menceriakan lagi warga WP Kuala Lumpur. Dengan amalan ini, ianya bukan sahaja dapat menjimatkan kos dan masa tetapi mengeratkan perpaduan sesama masyarakat setempat.

4. Bagi memeriahkan lagi Kenduri 1WP ini, pihak SP Setia Bhd Gorup dan Tradewind Sdn Berhad selaku konsortium pemaju untuk projek pembangunan semula Taman Ikan Emas di Bandar Tun Razak telah berbesar hati menyumbangkan sebuah kereta Proton Saga 1.3 (A) sebagai hadiah utama cabutan bertuah dan juga hadiah-hadiah lain berupa iPhone 6 dalam bersama-sama menjayakan program kenduri ini.

5. Diharapkan melalui program yang bermanfaat ini, warga Wilayah Persekutuan khususnya warga Kuala Lumpur dapat mengukuhkan hubungan akrab, meningkatkan semangat kebersamaan antara satu sama lain dan juga dapat membudayakan kehidupan yang ceria di bandaraya metropolis.

Disediakan oleh:

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR
14 FEBRUARI 2015**